

Pengaruh gaya kepimpinan ketua jabatan terhadap tahap kegembiraan di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam di Kota Kinabalu, Sabah

ABSTRACT

Kegembiraan di tempat kerja biasanya dikaitkan dengan perasaan yang dialami oleh seseorang pekerja yang mampu mendorong produktiviti mereka saban hari ketika berada dalam lingkungan pekerjaan. Kegembiraan di tempat kerja juga adakalanya dikaitkan dengan tingkat kepuasan kerja yang tinggi serta keghairahan dan semangat memuncak dalam kalangan pekerja untuk menyelesaikankan tugas yang diamanahkan. Namun demikian, terdapat pelbagai faktor yang berupaya mempengaruhi tahap kegembiraan seseorang ketika berada di tempat kerja. Antara faktor yang dimaksudkan ialah gaya kepimpinan yang diaplikasikan ketua jabatan. Hubungkait diantara gaya kepimpinan ketua jabatan dan tahap kegembiraan di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam ini boleh dikesan di sektor awam di sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Dalam pada itu, berdasarkan pendekatan ‘mixed-method’ kertas kerja ini bertujuan membincangkan pengaruh gaya kepimpinan ketua jabatan terhadap tahap kegembiraan di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam di daerah Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Adalah diharapkan supaya maklumat yang dipaparkan dalam kertas kerja ini berguna kepada pihak berwajib, khususnya para pembuat dasar untuk menambahbaik gaya kepimpinan dalam kalangan ketua jabatan dalam sektor awam melalui penyesuaian dengan aspek kegembiraan di tempat kerja bagi memastikan produktiviti, kepuasan kerja, keghairahan dan semangat kerja dalam kalangan penjawat awam sentiasa berada pada tahap yang sewajarnya.